

APA DAYA
TARIKAN LELAKI
BUAT KAMU
JATUH HATI?



*Himpunan
Pilihan Terkini
Aksesori
Ranggi*

GADIS
TERNODA
AKIBAT
LEKA

Lisa

DUNIA BARU

PANDUAN INTENSIF
MASUK ASRAMA

CUKUPKAH RM100
UNTUK SEMINGGU?

NAIK TARAF DIRIMU!

- TIP BAWA RESOLUSI MELEWATI JANUARI
- MILIKI TUBUH YANG KAMU IDAMKAN
- CABAR DIRI UNTUK TRANSFORMASI

STRATEGI ATASI STRES
MASA UNTUK UBAH GAYA HIDUP!

RM3.90
Setiap Bulan

NORA DANISH

MELAYARI 2014
PENUH BAHAGIA

#37 - JAN 2014 RM3.90

ISSN 2231-9753



9 772231 975006 37
PP 17470/11/2013 (033118)



AGENDA FESYEN DAN KEMBARA

Bila sudah merancang ke destinasi idaman, keterujaan bersambung pula pada pakaian yang sesuai untuk digayakan sepanjang percutan. Buat kamu yang pertama kali mahu bercuti khususnya di luar negara empat musim, kenal pasti cuaca ketika kamu bakal berkunjung di sana untuk persediaan rapi. Musim bunga/panas adalah waktu paling ideal untuk kamu melancong, bukan sahaja siang hari lebih panjang berbanding musim luruh/sejuk, kamu juga boleh menggayakan helaian baju yang lebih santai. Alang-alang *travel light*, jangan lupa topi *oversized*, cermin mata aviator dengan perisai UV, jam kalis air dan kasut leper selesa namun bergaya!

Musykil Fesyen

Skarf sutera cantik dipandang, namun mudah tercarik. Bolehkah saya pinkan kerongsang tanpa merosakkan fabriknya?

– Nazatul, Kota Kemuning.

J Sentiasa tahu bahawa skarf sutera adalah teman baik kulitmu. Rasa lembut fabriknya buatkan kamu selesa memakainya. Ikat dan lilit apa jua gaya namun menyucuk kerongsang mesti ada caranya. Sama ada kamu gunakan kerongsang dengan jarum halus dan cucuk pada hanya satu tempat yang sama, atau kamu lilitkan skarf pada kerongsang dengan cara tanpa menyucuknya. Boleh juga pin kerongsang pada tempat paling hampir dengan skarfmu seperti di kolar jaket.



Kamu memiliki gaya unik dan tersendiri? Suka *selfie*? Kongsi dengan LISA dan hashtag #lisamaysia ya!

DEMI COUTURE

Bertuah jika tubuhmu mempunyai potongan model lampai, apa jua pakaian terletak cantik dipakai. Buat kebanyakan pembaca LISA yang mempunyai potongan unik, kamu turut bertuah kerana dipertemukan dengan Lorienta, Lazrina, Leona, Lexandra, Laureen, Lathalia dan Lazarea iaitu barisan karya Jovian Mandagie untuk koleksi terbarunya Jovian Demi Couture di Zalora.com.my. Ini kerana rekaan *ready-to-wear* eksklusif ini fleksibel untuk *customized* mengikut kehendak unikmu. Bajunya bebas untuk kamu pinta sama ada dipendekkan lengan atau dibiarkan panjang. Fabrik *tulle* dilapis sifon sebagai material asas berkualiti tinggi dan ringan. Harga dari RM400-RM800.

